

**INTERNATIONAL JOURNAL OF
MODERN EDUCATION
(IJMOE)**www.gaexcellence.com/ijmoe**HUBUNGAN ANTARA MASA SKRIN DENGAN
PEMROSESAN KOGNITIF MURID TAHUN 1: SATU
PERBINCANGAN KONSEPTUAL DARI PERSPEKTIF IBU
BAPA*****THE RELATIONSHIP BETWEEN SCREEN TIME EXPOSURE AND
COGNITIVE PROCESSING AMONG YEAR ONE PUPILS: A CONCEPTUAL
DISCUSSION FROM PARENTS' PERSPECTIVES***Shaarmini Arumugam ^{1*}, Faridah Mydin Kutty²¹Fakulti Pendidikan, Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM), Malaysia p144973@siswa.ukm.edu.my <https://orcid.org/0009-0003-2406-7197>²Fakulti Pendidikan, Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM), Malaysia faridah_mydin@ukm.edu.my <https://orcid.org/0000-0002-6424-232X>

*Corresponding Author

Article Info:**Article history:**

Received date: 04.05.2026

Revised date: 20.05.2026

Accepted date: 28.06.2026

Published date: 30.06.2026

To cite this document:

Arumugam, S., & Kutty, F. M. (2026). Hubungan Antara Masa Skrin Dengan Pemprosesan Kognitif Murid Tahun 1: Satu Perbincangan Konseptual Dari Perspektif Ibu Bapa. *International Journal of Modern Education*, 8(30), 864-882.

Abstrak:

Perkembangan teknologi digital telah meningkatkan penggunaan peranti elektronik dalam kalangan murid Tahun 1, sekali gus menimbulkan kebimbangan terhadap perkembangan kognitif mereka. Perbincangan konseptual ini meneroka hubungan antara masa skrin dengan pemprosesan kognitif murid dari perspektif ibu bapa. Fokus diberikan kepada aspek perhatian, ingatan, pemahaman dan keupayaan pembelajaran. Perbincangan berasaskan Teori Perkembangan Kognitif Piaget serta Model Pemprosesan Maklumat Atkinson dan Shiffrin. Sorotan literatur menunjukkan bahawa penggunaan teknologi secara terkawal dan berasaskan kandungan pendidikan berkualiti dapat menyokong perkembangan kognitif. Sebaliknya, penggunaan berlebihan boleh menjejaskan tumpuan dan pemprosesan maklumat. Oleh itu, pemantauan ibu bapa amat penting bagi memastikan penggunaan teknologi yang seimbang dan berkesan.

DOI: 10.35631/IJMOE.830054 **Kata Kunci:**

Masa Skrin, Masa Tahun 1, Pemprosesan Kognitif

Abstract:

The development of digital technology has increased the use of electronic devices among Year 1 students, thus raising concerns about their cognitive development. This conceptual discussion explores the relationship between screen time and students' cognitive processing from the perspective of parents. Focus is given to aspects of attention, memory, comprehension and learning ability. The discussion is based on Piaget's Theory of Cognitive Development and Atkinson and Shiffrin's Information Processing Model. Literature highlights show that the controlled use of technology and based on quality educational content can support cognitive development. On the other hand, excessive use can affect concentration and information processing. Therefore, parental monitoring is very important to ensure balanced and effective use of technology.



© The authors (2026). This is an Open Access article distributed under the terms of the Creative Commons Attribution (CC BY NC) (<http://creativecommons.org/licenses/by-nc/4.0/>), which permits non-commercial re-use, distribution, and reproduction in any medium, provided the original work is properly cited. For commercial re-use, please contact ijmoe@gaexcellence.com

Keyword:

Cognitive Processing, Screen Time, Year 1 Students.

Pengenalan

Perkembangan teknologi digital pada masa kini telah menyebabkan penggunaan peranti elektronik seperti telefon pintar, tablet, komputer dan televisyen menjadi sebahagian daripada kehidupan harian kanak-kanak (Rabbani & Fatma Ulfatun Najicha, 2023). Murid Tahun 1 yang berada dalam lingkungan usia tujuh tahun merupakan golongan yang semakin terdedah kepada penggunaan teknologi sejak usia awal. Pendedahan ini menyebabkan masa skrin menjadi satu aspek penting yang perlu diberi perhatian oleh ibu bapa dan pendidik kerana ia berpotensi mempengaruhi perkembangan kognitif kanak-kanak.

Murid Tahun 1 dipilih sebagai fokus kajian kerana mereka berada pada fasa peralihan yang penting daripada pendidikan prasekolah kepada pendidikan formal di sekolah rendah. Pada peringkat ini, perkembangan kognitif seperti perhatian, ingatan, pemahaman bahasa, penaakulan dan kemahiran menyelesaikan masalah sedang berkembang dengan pesat. Selain itu, murid Tahun 1 mula menghadapi tuntutan pembelajaran yang lebih berstruktur dan memerlukan tahap tumpuan serta pemprosesan maklumat yang lebih tinggi berbanding semasa di prasekolah. Oleh itu, sebarang faktor yang berpotensi mempengaruhi perkembangan kognitif, termasuk penggunaan masa skrin, perlu diteliti bagi memastikan perkembangan dan pencapaian pembelajaran mereka dapat berkembang secara optimum. Masa skrin merujuk kepada jumlah masa yang dihabiskan oleh individu untuk berinteraksi dengan peranti digital yang mempunyai paparan skrin, sama ada bagi tujuan pembelajaran, hiburan atau komunikasi. Pemprosesan kognitif pula merujuk kepada keupayaan otak untuk menerima, mentafsir, menyimpan dan menggunakan maklumat. Dalam konteks murid Tahun 1, pemprosesan

kognitif melibatkan kemahiran seperti perhatian, ingatan, pemikiran, penyelesaian masalah, bahasa dan pembelajaran. Pada peringkat ini, perkembangan kognitif kanak-kanak berlaku dengan pesat dan memerlukan rangsangan yang sesuai bagi menyokong pertumbuhan intelek mereka. Oleh itu, penggunaan skrin yang berlebihan atau tidak terkawal boleh menimbulkan kebimbangan terhadap perkembangan kognitif kanak-kanak.

Dari perspektif ibu bapa, masa skrin sering dilihat sebagai pedang bermata dua. Di satu pihak, teknologi digital dapat membantu meningkatkan pengetahuan, kemahiran literasi dan pembelajaran interaktif melalui aplikasi pendidikan yang sesuai. Di pihak yang lain, penggunaan skrin yang berlebihan boleh mengurangkan masa interaksi sosial, aktiviti fizikal dan pengalaman pembelajaran secara langsung yang penting untuk perkembangan kognitif kanak-kanak (*Screen Time Terhadap Kanak-Kanak*, 2023). Ibu bapa memainkan peranan utama dalam mengawal tempoh dan kandungan penggunaan skrin bagi memastikan keseimbangan antara manfaat dan risiko teknologi.

Oleh itu, perbincangan konseptual mengenai hubungan antara masa skrin dengan pemprosesan kognitif murid Tahun 1 dari perspektif ibu bapa adalah penting untuk memahami bagaimana penggunaan teknologi mempengaruhi perkembangan kanak-kanak. Perbincangan ini dapat membantu meningkatkan kesedaran ibu bapa serta memberi panduan dalam mengurus penggunaan teknologi secara lebih berkesan demi menyokong perkembangan kognitif yang optimum dalam kalangan murid Tahun 1.

Latar Belakang Kajian

Perkembangan teknologi maklumat dan komunikasi telah mengubah cara kanak-kanak belajar, berinteraksi dan menghabiskan masa lapang mereka. Pada masa kini, penggunaan peranti digital seperti telefon pintar, tablet, komputer dan televisyen semakin meluas dalam kalangan kanak-kanak seawal usia prasekolah dan sekolah rendah. Murid Tahun 1 khususnya merupakan generasi yang membesar dalam persekitaran digital, di mana teknologi menjadi sebahagian daripada rutin harian mereka sama ada untuk tujuan pendidikan, hiburan mahupun komunikasi. Situasi ini menyebabkan isu masa skrin semakin mendapat perhatian dalam kalangan penyelidik, pendidik dan ibu bapa kerana penggunaannya yang semakin meningkat berpotensi mempengaruhi perkembangan kanak-kanak (Kassim et al., 2024).

Masa skrin merujuk kepada jumlah masa yang dihabiskan oleh seseorang individu menggunakan peranti yang mempunyai paparan skrin. Walaupun penggunaan teknologi menawarkan pelbagai manfaat seperti akses kepada sumber pembelajaran yang interaktif dan menarik, penggunaan yang berlebihan boleh menimbulkan kesan negatif terhadap perkembangan fizikal, sosial, emosi dan kognitif kanak-kanak. Dalam konteks perkembangan kognitif, murid Tahun 1 berada pada tahap penting dalam membina kemahiran asas seperti perhatian, ingatan, pemahaman bahasa, penaakulan dan penyelesaian masalah. Oleh itu, sebarang faktor yang mempengaruhi proses perkembangan ini perlu diberi perhatian yang serius.

Perspektif ibu bapa amat penting dalam memahami hubungan antara masa skrin dan pemprosesan kognitif kerana mereka merupakan individu yang paling hampir dengan kanak-kanak serta bertanggungjawab untuk mengawal penggunaan teknologi di rumah (Zailan & Mohamad, 2023). Pengamatan ibu bapa terhadap tingkah laku, tumpuan dan prestasi pembelajaran anak dapat memberikan gambaran yang lebih jelas tentang kesan penggunaan

skrin dalam kehidupan harian murid. Selain itu, tahap pengetahuan, sikap dan amalan ibu bapa terhadap penggunaan teknologi turut mempengaruhi corak penggunaan skrin anak-anak mereka.

Sehubungan itu, kajian mengenai hubungan antara masa skrin dengan pemprosesan kognitif murid Tahun 1 dari perspektif ibu bapa adalah penting bagi memahami kesan penggunaan teknologi terhadap perkembangan kognitif kanak-kanak. Dapatan kajian ini diharapkan dapat membantu ibu bapa, guru dan pihak berkepentingan merangka strategi yang lebih berkesan dalam mengurus penggunaan teknologi secara seimbang demi menyokong perkembangan pembelajaran dan kognitif kanak-kanak.

Penyataan Masalah

Penggunaan teknologi digital dalam kalangan kanak-kanak semakin meningkat seiring dengan perkembangan teknologi dan kemudahan akses kepada pelbagai peranti elektronik. Murid Tahun 1 kini terdedah kepada penggunaan telefon pintar, tablet, komputer dan televisyen pada usia yang lebih awal berbanding generasi sebelumnya. Walaupun teknologi digital menawarkan pelbagai manfaat dari segi pembelajaran dan akses maklumat, peningkatan masa skrin yang tidak terkawal telah menimbulkan kebimbangan mengenai kesannya terhadap perkembangan kognitif kanak-kanak (PDF) Merapatkan Jurang Digital Dalam Pendidikan: Dasar Dan Strategi Di Malaysia, n.d.).

Pada peringkat awal persekolahan, murid Tahun 1 sedang melalui proses perkembangan kognitif yang penting, termasuk pembentukan kemahiran perhatian, ingatan, pemikiran logik, bahasa dan penyelesaian masalah. Namun begitu, terdapat kebimbangan bahawa penggunaan skrin yang berlebihan boleh mengganggu proses perkembangan tersebut. Sesetengah kajian menunjukkan bahawa tempoh masa skrin yang tinggi boleh menyebabkan kanak-kanak mengalami kesukaran untuk mengekalkan tumpuan, mengurangkan interaksi sosial secara bersemuka serta menjejaskan keupayaan mereka untuk memproses maklumat secara berkesan. Sebaliknya, terdapat juga pandangan yang menyatakan bahawa penggunaan aplikasi pendidikan dan kandungan digital yang berkualiti mampu menyokong perkembangan kognitif kanak-kanak. Percanggahan dapatan ini menunjukkan bahawa hubungan antara masa skrin dan pemprosesan kognitif masih memerlukan penelitian yang lebih mendalam.

Selain itu, kebanyakan ibu bapa menghadapi cabaran dalam mengawal penggunaan peranti digital anak-anak mereka, terutama selepas peningkatan penggunaan teknologi dalam pendidikan dan kehidupan harian (Mohd Hassan et al., 2021). Ada dalam kalangan ibu bapa yang menggunakan peranti digital sebagai alat pembelajaran, manakala sebahagian yang lain melihatnya sebagai sumber hiburan yang boleh mengurangkan masa interaksi keluarga. Keadaan ini menimbulkan persoalan tentang bagaimana ibu bapa menilai kesan masa skrin terhadap perkembangan kognitif anak mereka.

Walaupun pelbagai kajian telah dijalankan berkaitan penggunaan teknologi digital dalam kalangan kanak-kanak, kebanyakan kajian terdahulu lebih memberi tumpuan kepada kesan penggunaan skrin terhadap kesihatan fizikal, tingkah laku dan pencapaian akademik. Kajian yang secara khusus meneliti hubungan antara masa skrin dan pemprosesan kognitif murid Tahun 1 masih terhad, terutamanya dalam konteks pendidikan rendah di Malaysia. Selain itu, perspektif ibu bapa sebagai individu yang memantau penggunaan peranti digital anak-anak di rumah kurang diberi perhatian dalam penyelidikan sedia ada. Oleh itu, masih terdapat jurang

pengetahuan mengenai bagaimana ibu bapa melihat hubungan antara tempoh masa skrin dengan perkembangan pemprosesan kognitif anak-anak mereka. Kajian ini dijalankan untuk mengisi jurang tersebut dengan memberikan tumpuan khusus kepada persepsi ibu bapa terhadap hubungan antara masa skrin dan pemprosesan kognitif murid Tahun 1.

Oleh itu, terdapat keperluan untuk memahami hubungan antara masa skrin dengan pemprosesan kognitif murid Tahun 1 daripada perspektif ibu bapa. Kajian ini penting bagi mengenal pasti persepsi ibu bapa mengenai kesan penggunaan skrin terhadap perkembangan kognitif anak serta menyediakan maklumat yang boleh membantu ibu bapa, guru dan pembuat dasar merancang strategi penggunaan teknologi yang lebih seimbang dan berkesan dalam menyokong perkembangan kanak-kanak.

Objektif Kajian

Kajian ini bertujuan untuk meneroka hubungan antara masa skrin dengan pemprosesan kognitif murid Tahun 1 dari perspektif ibu bapa. Secara khusus, objektif kajian adalah seperti berikut:

1. Mengetahui corak dan tempoh penggunaan masa skrin dalam kalangan murid Tahun 1.
2. Meneliti persepsi ibu bapa terhadap kesan masa skrin terhadap pemprosesan kognitif murid Tahun 1.
3. Menganalisis hubungan antara masa skrin dengan aspek pemprosesan kognitif seperti perhatian, ingatan dan pembelajaran.
4. Mengetahui faktor-faktor yang mempengaruhi penggunaan peranti digital dalam kalangan murid Tahun 1.
5. Meneroka peranan ibu bapa dalam mengawal dan memantau penggunaan masa skrin bagi menyokong perkembangan kognitif anak-anak.

Definisi Konsep Utama

Definisi konsep utama kajian ini adalah seperti berikut:

Masa Skrin

Masa skrin merujuk kepada jumlah masa yang dihabiskan oleh seseorang individu menggunakan peranti elektronik yang mempunyai paparan skrin seperti telefon pintar, tablet, komputer, komputer riba dan televisyen (Kalam Tranung, 2026). Dalam konteks kajian ini, masa skrin merangkumi semua aktiviti yang melibatkan penggunaan peranti digital oleh murid Tahun 1, sama ada untuk tujuan pembelajaran, hiburan, permainan, komunikasi atau menonton kandungan multimedia. Tempoh penggunaan skrin biasanya diukur dalam jam atau minit sehari dan digunakan sebagai petunjuk untuk menilai tahap pendedahan kanak-kanak kepada teknologi digital.

Masa skrin boleh memberikan kesan positif apabila digunakan secara terkawal dan melibatkan kandungan yang bersifat pendidikan serta sesuai dengan tahap perkembangan kanak-kanak. Namun, penggunaan yang berlebihan berpotensi menjejaskan aspek perkembangan tertentu seperti tumpuan, interaksi sosial, aktiviti fizikal dan proses pembelajaran. Oleh itu, dalam kajian ini, masa skrin ditakrifkan sebagai jumlah tempoh pendedahan murid Tahun 1 kepada

peranti digital yang berpotensi mempengaruhi pemprosesan kognitif mereka berdasarkan pemerhatian dan pengalaman ibu bapa.

Murid Tahun 1

Murid Tahun 1 merujuk kepada kanak-kanak yang berada dalam tahun pertama pendidikan sekolah rendah, biasanya berusia sekitar tujuh tahun. Pada peringkat ini, murid sedang mengalami perkembangan pesat dalam aspek kognitif, bahasa, sosial, emosi dan fizikal (Khusnul Khotimah & Agustini Agustini, 2023). Mereka berada dalam fasa peralihan daripada pembelajaran berasaskan permainan kepada pembelajaran yang lebih formal dan berstruktur di sekolah. Dalam konteks kajian ini, murid Tahun 1 merupakan kumpulan sasaran yang dikaji bagi memahami hubungan antara masa skrin dengan pemprosesan kognitif mereka. Pemilihan kumpulan ini adalah penting kerana mereka berada pada tahap perkembangan asas yang kritikal dalam membentuk kemahiran perhatian, ingatan, pemahaman dan penyelesaian masalah yang menyokong pencapaian akademik pada masa hadapan.

Pemprosesan Kognitif

Pemprosesan kognitif merujuk kepada proses mental yang digunakan oleh individu untuk menerima, mentafsir, menyimpan, mengingat semula dan menggunakan maklumat dalam kehidupan seharian (*Teori Pemprosesan Maklumat | PDF*, n.d.). Proses ini melibatkan pelbagai fungsi kognitif seperti perhatian, ingatan, persepsi, pemikiran, penaakulan, bahasa dan penyelesaian masalah. Dalam konteks murid Tahun 1, pemprosesan kognitif memainkan peranan penting dalam membantu mereka memahami arahan, mempelajari kemahiran baharu, mengekalkan tumpuan semasa pembelajaran serta mengaplikasikan pengetahuan yang diperoleh. Pada peringkat usia ini, perkembangan kognitif berlaku dengan pesat dan dipengaruhi oleh pelbagai faktor persekitaran, termasuk penggunaan teknologi digital. Dalam kajian ini, pemprosesan kognitif ditakrifkan sebagai keupayaan murid Tahun 1 untuk memproses dan mengurus maklumat yang diterima melalui aktiviti pembelajaran dan pengalaman harian, sebagaimana diperhatikan oleh ibu bapa.

Teori dan Model Berkaitan

Teori dan model berkaitan dengan kajian ini adalah seperti berikut:

Teori Perkembangan Kognitif Piaget

Teori Perkembangan Kognitif Piaget yang diperkenalkan oleh Jean Piaget menjelaskan bahawa perkembangan kognitif kanak-kanak berlaku secara berperingkat mengikut tahap umur dan kematangan mental mereka (Habsy et al., 2024). Piaget berpendapat bahawa kanak-kanak bukan sekadar menerima maklumat secara pasif, tetapi secara aktif membina pengetahuan melalui interaksi dengan persekitaran. Menurut teori ini, perkembangan kognitif terbahagi kepada empat peringkat utama, iaitu peringkat sensorimotor, praoperasi, operasi konkrit dan operasi formal.

Dalam konteks kajian ini, murid Tahun 1 yang berusia sekitar tujuh tahun berada pada peralihan daripada peringkat praoperasi kepada peringkat operasi konkrit. Pada peringkat operasi konkrit, kanak-kanak mula berfikir secara lebih logik dan sistematik terhadap objek serta situasi yang nyata. Mereka semakin mampu memahami hubungan sebab dan akibat,

mengelaskan objek mengikut ciri tertentu serta menyelesaikan masalah yang melibatkan pengalaman konkrit. Walau bagaimanapun, keupayaan mereka untuk berfikir secara abstrak masih belum berkembang sepenuhnya.

Piaget menjelaskan bahawa pembelajaran berlaku melalui dua proses utama, iaitu asimilasi dan akomodasi. Asimilasi merujuk kepada proses menggabungkan maklumat atau pengalaman baharu ke dalam skema pengetahuan yang sedia ada. Sebaliknya, akomodasi berlaku apabila kanak-kanak mengubah atau menyesuaikan skema sedia ada untuk memahami pengalaman baharu. Kedua-dua proses ini saling melengkapi dan memainkan peranan penting dalam perkembangan pemikiran serta pembinaan pengetahuan kanak-kanak secara berterusan.

Teori ini sangat relevan dalam mengkaji hubungan antara masa skrin dengan pemprosesan kognitif murid Tahun 1. Penggunaan peranti digital boleh menjadi sumber pengalaman dan rangsangan baharu yang menyokong pembelajaran jika digunakan secara sesuai. Namun, penggunaan masa skrin yang berlebihan mungkin mengurangkan peluang kanak-kanak untuk terlibat dalam pengalaman pembelajaran secara langsung dan interaksi sosial yang penting bagi perkembangan kognitif mereka. Oleh itu, teori Piaget menjadi asas penting untuk memahami bagaimana pendedahan kepada teknologi digital boleh mempengaruhi proses perkembangan kognitif murid Tahun 1.

Model Pemprosesan Maklumat Atkinson dan Shiffrin

Model Pemprosesan Maklumat yang diperkenalkan oleh Richard Atkinson dan Richard Shiffrin menerangkan bagaimana maklumat diterima, diproses, disimpan dan diingat semula oleh manusia (Ahmad, 2010). Model ini melihat minda manusia sebagai satu sistem pemprosesan maklumat yang berfungsi hampir seperti komputer, di mana maklumat melalui beberapa peringkat sebelum disimpan dalam ingatan jangka panjang. Model ini terdiri daripada tiga komponen utama, iaitu daftar deria (sensory register), ingatan jangka pendek (short-term memory) dan ingatan jangka panjang (long-term memory).

Pada peringkat pertama, maklumat daripada persekitaran diterima melalui deria seperti penglihatan, pendengaran dan sentuhan. Maklumat ini disimpan seketika dalam daftar deria sebelum dipilih untuk diberi perhatian. Seterusnya, maklumat yang diberi perhatian akan dipindahkan ke dalam ingatan jangka pendek, yang mempunyai kapasiti dan tempoh penyimpanan yang terhad. Melalui proses pengulangan dan pemprosesan yang aktif, maklumat tersebut boleh dipindahkan ke dalam ingatan jangka panjang untuk disimpan dalam tempoh yang lebih lama. Apabila diperlukan, maklumat daripada ingatan jangka panjang boleh dipanggil semula untuk digunakan dalam proses pembelajaran dan penyelesaian masalah.

Dalam konteks kajian ini, model Atkinson dan Shiffrin sangat relevan untuk memahami hubungan antara masa skrin dan pemprosesan kognitif murid Tahun 1. Penggunaan peranti digital mendedahkan kanak-kanak kepada pelbagai rangsangan visual dan audio yang perlu diproses oleh sistem kognitif mereka. Kandungan digital yang sesuai dan berkualiti dapat membantu meningkatkan perhatian, ingatan dan pembelajaran (Majlis Keselamatan Negara, 2024). Namun, pendedahan kepada masa skrin yang berlebihan berpotensi menyebabkan gangguan perhatian serta beban maklumat yang boleh menjejaskan kecekapan pemprosesan maklumat. Oleh itu, model ini memberikan asas teori yang kukuh untuk menjelaskan bagaimana penggunaan teknologi digital mempengaruhi proses penerimaan, penyimpanan dan penggunaan maklumat dalam kalangan murid Tahun 1.

Teori Perkembangan Kognitif Piaget dan Model Pemprosesan Maklumat Atkinson dan Shiffrin saling berkaitan dalam menjelaskan bagaimana kanak-kanak memperoleh dan memproses pengetahuan. Piaget menekankan perkembangan struktur pemikiran melalui asimilasi dan akomodasi, manakala Atkinson dan Shiffrin menerangkan proses perhatian, penyimpanan dan pengingatan maklumat. Kedua-duanya menjelaskan perkembangan keupayaan kognitif kanak-kanak secara berperingkat.

Teori Perkembangan Kognitif Piaget dan Model Pemprosesan Maklumat Atkinson dan Shiffrin saling melengkapi dalam menerangkan hubungan antara masa skrin dan pemprosesan kognitif murid Tahun 1 kerana kedua-duanya melihat perkembangan kognitif sebagai suatu proses aktif yang melibatkan penerimaan, pembinaan, penyusunan dan penggunaan maklumat. Walaupun kedua-dua teori memberi fokus yang berbeza, iaitu Piaget menekankan **perkembangan struktur pemikiran mengikut tahap kematangan**, manakala Atkinson dan Shiffrin menekankan **mekanisme pemprosesan maklumat dalam sistem memori**, gabungan kedua-duanya memberikan pemahaman yang lebih menyeluruh tentang bagaimana pendedahan kepada teknologi digital mempengaruhi fungsi kognitif kanak-kanak.

Dari sudut Model Pemprosesan Maklumat Atkinson dan Shiffrin pula, kesan masa skrin dapat difahami melalui bagaimana rangsangan digital diproses dalam sistem kognitif kanak-kanak. Peranti digital menghasilkan pelbagai rangsangan visual, audio dan teks yang terlebih dahulu diterima melalui daftar deria sebelum dipilih melalui proses perhatian untuk memasuki ingatan jangka pendek. Sekiranya kandungan skrin terlalu kompleks, pantas atau berlebihan, kapasiti terhad ingatan jangka pendek boleh terbeban sehingga mengurangkan keupayaan murid untuk mengekod maklumat ke dalam ingatan jangka panjang. Sebaliknya, penggunaan teknologi secara terancang dengan kandungan yang sesuai dengan tahap perkembangan murid boleh meningkatkan perhatian, pengulangan dan pengukuhan maklumat, sekali gus membantu proses penyimpanan dan pengambilan semula maklumat (Atkinson & Shiffrin, 1968).

Sorotan Literatur

Perkembangan teknologi digital telah membawa perubahan yang ketara dalam kehidupan kanak-kanak, khususnya dari segi cara mereka belajar, berkomunikasi dan menghabiskan masa lapang. Penggunaan peranti digital seperti telefon pintar, tablet, komputer dan televisyen semakin meningkat dalam kalangan murid sekolah rendah. Fenomena ini telah mendorong ramai penyelidik untuk mengkaji hubungan antara masa skrin dan perkembangan kognitif kanak-kanak. Secara umumnya, literatur terdahulu menunjukkan bahawa masa skrin boleh memberikan kesan positif dan negatif terhadap pemprosesan kognitif bergantung kepada tempoh penggunaan, jenis kandungan dan tahap pengawasan ibu bapa.

Menurut kajian oleh Dimitri Christakis, pendedahan yang berlebihan kepada media digital pada usia awal boleh memberi kesan terhadap perkembangan perhatian dan keupayaan kognitif kanak-kanak (Christakis, 2019). Kanak-kanak yang menghabiskan terlalu banyak masa di hadapan skrin didapati lebih cenderung mengalami masalah tumpuan dan kesukaran mengekalkan perhatian dalam aktiviti pembelajaran. Keadaan ini berlaku kerana kandungan digital yang pantas dan sentiasa berubah boleh mempengaruhi cara otak memproses maklumat serta mengurangkan keupayaan untuk memberi perhatian kepada tugas yang memerlukan fokus yang berpanjangan.

Walau bagaimanapun, tidak semua penggunaan teknologi digital memberikan kesan negatif terhadap perkembangan kanak-kanak. Beberapa kajian menunjukkan bahawa penggunaan teknologi secara terkawal dan dengan pemantauan yang sesuai mampu menyokong perkembangan kognitif mereka. Menurut kajian oleh Kathy Hirsh-Pasek dan rakan-rakan, aplikasi pendidikan yang direka khas mengikut tahap perkembangan kanak-kanak dapat membantu meningkatkan kemahiran bahasa, literasi awal, kreativiti serta keupayaan menyelesaikan masalah (Hirsh-Pasek et al., 2015). Kandungan digital yang interaktif juga berupaya menarik perhatian kanak-kanak dan menggalakkan penglibatan aktif dalam proses pembelajaran. Selain itu, penggunaan aplikasi pendidikan yang berkualiti dapat memberikan pengalaman pembelajaran yang menyeronokkan dan bermakna. Oleh itu, teknologi digital boleh menjadi alat pembelajaran yang berkesan apabila digunakan secara sederhana, terancang dan bersesuaian dengan keperluan perkembangan kanak-kanak.

Dari perspektif teori perkembangan kognitif, Jean Piaget menegaskan bahawa kanak-kanak membina pengetahuan melalui interaksi aktif dengan persekitaran mereka. Pengalaman pembelajaran yang pelbagai membantu proses asimilasi dan akomodasi yang penting dalam perkembangan kognitif. Dalam konteks penggunaan teknologi, aplikasi digital yang bersifat interaktif boleh menyediakan peluang pembelajaran baharu. Namun demikian, penggunaan masa skrin yang berlebihan berpotensi mengurangkan peluang kanak-kanak untuk terlibat dalam aktiviti fizikal, permainan imaginatif dan interaksi sosial yang juga penting untuk perkembangan kognitif mereka.

Selain itu, Model Pemprosesan Maklumat yang diperkenalkan oleh Richard Atkinson dan Richard Shiffrin menerangkan bahawa pembelajaran berlaku melalui proses penerimaan, penyimpanan dan pengingatan semula maklumat. Dalam model ini, perhatian dan ingatan merupakan komponen penting yang mempengaruhi keberkesanan pembelajaran seseorang kanak-kanak. Pendedahan kepada terlalu banyak rangsangan digital dalam satu masa boleh menyebabkan beban kognitif yang berlebihan, sekali gus menyukarkan kanak-kanak untuk menumpukan perhatian dan memproses maklumat dengan berkesan. Keadaan ini boleh menjejaskan keupayaan mereka untuk menyimpan dan mengingat maklumat dalam jangka panjang. Namun begitu, penggunaan bahan digital yang dirancang dengan baik serta sesuai dengan tahap perkembangan kanak-kanak dapat membantu meningkatkan pemahaman, tumpuan dan kecekapan pemprosesan maklumat melalui gabungan rangsangan visual dan audio yang menarik. Kajian empirikal terkini turut menyokong bahawa tempoh masa skrin mempunyai hubungan dengan perkembangan kognitif kanak-kanak. Kajian mendapati bahawa kanak-kanak yang terdedah kepada masa skrin yang lebih tinggi menunjukkan pencapaian yang lebih rendah dalam aspek perkembangan bahasa, komunikasi dan penyelesaian masalah pada tahun berikutnya. Dapatan ini menunjukkan bahawa penggunaan skrin yang berlebihan berpotensi mempengaruhi perkembangan fungsi kognitif kanak-kanak, terutamanya semasa peringkat perkembangan awal yang kritikal.


Selain itu, kajian mendapati bahawa kanak-kanak yang mematuhi garis panduan penggunaan skrin yang disyorkan serta mengamalkan gaya hidup sihat seperti aktiviti fizikal yang mencukupi dan tidur yang berkualiti menunjukkan prestasi yang lebih baik dalam ujian perhatian, memori dan fungsi eksekutif. Kajian ini turut menegaskan bahawa kesan masa skrin terhadap perkembangan kognitif bukan sahaja bergantung kepada tempoh penggunaan, tetapi juga dipengaruhi oleh jenis kandungan yang diakses dan tahap pemantauan ibu bapa. Oleh itu, penggunaan teknologi digital yang terkawal dan bersesuaian dengan tahap perkembangan kanak-kanak mampu menyokong perkembangan kognitif secara positif. Literatur juga

menunjukkan bahawa ibu bapa memainkan peranan yang signifikan dalam menentukan kesan masa skrin terhadap perkembangan kanak-kanak. Kajian mendapati bahawa pengawasan ibu bapa, pemilihan kandungan yang sesuai dan penetapan had masa penggunaan peranti dapat mengurangkan risiko kesan negatif penggunaan skrin (Jaafar, 2025). Kanak-kanak yang menerima bimbingan daripada ibu bapa semasa menggunakan teknologi cenderung memperoleh manfaat pembelajaran yang lebih baik berbanding mereka yang menggunakan peranti tanpa pemantauan.

